

23 MAY 2002

Mahathir-Media/I

M'SIA TIDAK AKAN GUNA BANTUAN KETENTERAAN ASING UNTUK TANGANI KEGANASAN

Oleh: Amin Husaini Harun

SEOUL, 23 Mei (Bernama) -- Malaysia tidak akan meminta bantuan ketenteraan asing dalam usahanya memerangi keganasan dalam negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad di sini hari ini.

"Kita boleh kendalikan urusan kita sendiri tanpa bantuan ketenteraan asing," katanya pada sidang media pada hari kedua lawatan rasminya ke Korea Selatan.

Seorang wartawan agensi berita asing bertanya sama ada Malaysia akan meminta bantuan ketenteraan Amerika Syarikat untuk memerangi keganasan seperti yang dilakukan oleh Filipina untuk menentang kumpulan Abu Sayyaf di selatan negara itu.

Katanya Malaysia berjaya menyekat kumpulan ekstremis dalam negara dan menahan mereka mengikut undang-undang penahanan. Pihak berkuasa mempunyai bukti bahawa anggota kumpulan militan KMM terbabit dalam kegiatan rompakan, membunuh seorang ahli politik dan cuba menjual senjata api sebelum mereka ditahan.

Dr Mahathir berkata hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat semakin baik dan pentadbiran Bush lebih menghargai dasar-dasar Malaysia terutama dalam menangani keganasan.

Perdana Menteri berkata semasa perbincangan beliau dengan Presiden Korea Kim Dae-Jung awal hari ini, mereka membincangkan secara am isu-isu keganasan -- mengenai punca keganasan dan cara terbaik mengatasi masalah itu.

Menjawab satu soalan sama ada Korea Utara adalah negara penganas seperti yang didakwa Amerika Syarikat, beliau berkata apa yang Malaysia tahu, tidak ada bukti jelas bahawa Korea Utara cuba menyerang sesiapa.

Dr Mahathir berkata beliau tidak mempunyai rancangan pada masa ini untuk melawat Korea Utara walaupun beliau pernah melawat negara itu semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Mengenai hubungan Malaysia-Korea Utara, Dr Mahathir berkata beliau dan Kim membincangkan cara untuk memperkukuhkan lagi hubungan dua hala sedia ada dan juga antara Korea dan Asean.

Beliau berkata Kim menyokong pembentukan Asean+3 (China, Jepun dan Korea Selatan) dengan penubuhan sebuah sekretariat yang Malaysia menawarkan diri menjadi tuan rumah.

Ketika menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata forum Asean+3 adalah satu bentuk sidang kemuncak negara-negara Asia Timur.

Mengenai kerjasama Naza KIA Sdn Bhd dan KIA Motor, Dr Mahathir berkata ia hanya satu usaha sama perniagaan untuk memasarkan kenderaan buatan Korea di Malaysia.

Katanya ia bukan merupakan projek kereta nasional ketiga. Projek kereta nasional kini adalah jalinan usaha sama Proton dan Mitsubishi Jepun.

Projek kereta nasional pada masa hadapan bukan untuk mengekalkan trend semasa dengan syarikat-syarikat automatik kini menjurus ke arah penggabungan.

Ditanya mengenai pencapaian beliau sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata satu daripada pencapaian terbaik beliau ialah mengekalkan perpaduan kaum di Malaysia.

-- BERNAMA

AHH MAD LAT NAK